

Tanpa UMNO

UM 12 MAY 2002

Oleh AMIR SARIFUDIN MANSOR

SHAH ALAM 11 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu bahawa tanpa pembelaan dan perjuangan UMNO mereka akan menjadi kaum minoriti dan dijajah di negara sendiri.

Presiden UMNO itu berkata, keadaan tersebut akan sama seperti orang-orang Melayu yang tinggal di Singapura di mana mereka tidak ada tempat sama sekali dalam negara sendiri.

Beliau berkata, kerana UMNO orang Melayu di negara ini dapat menjadi kaum yang dihormati bukan sahaja oleh kaum-kaum lain malah oleh negara-negara luar.

Menurutnya, UMNO juga menjadi penyelamat kepada orang-orang Melayu supaya tidak menjadi puak minoriti di negara sendiri ekoran perjuangan parti itu sejak dari merdeka hingga kini.

“Orang Melayu negara ini akan menerima nasib sama seperti orang Melayu Singapura. Orang asing akan dibawa masuk dan kita jadi minoriti. Bukan kita tidak suka orang asing.

“Orang Melayu Singapura jadi minoriti dan tidak ada tempat sama sekali.

“UMNOlah yang jadi penyelamat orang Melayu di negara ini daripada menjadi puak minoriti,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada sambutan ulang tahun penubuhan UMNO ke-56 di Stadium Malawati, di sini hari ini.

Perdana Menteri menambah, kejayaan UMNO yang terbesar ialah menyatupadukan orang-orang Melayu yang sebelum ini berpecah semasa dijajah sejak 450 tahun lalu.

“Hanya dengan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu, mereka akan dihormati oleh kaum-kaum lain di dunia ini,” katanya.

Beliau berkata, ketika itu orang-orang Melayu yang tinggal di negeri-negeri hanya mentaati raja-raja mereka tanpa ada sebarang penyatuan menyeluruh.

Bagaimanapun katanya, mereka mula menampakkan perpaduan apabila British cuba mewujudkan Malayan Union yang bertujuan menghapuskan ketuanan

Melayu dijajah — PM

serta memisahkan orang-orang Melayu.

“Ketika itu orang Melayu hanya layak menjadi ketua kadi.

“Tetapi UMNOlah yang mengambil langkah menyatupadukan orang Melayu ketika itu dan memaksa British membatalkan Malayan Union seterusnya membuka jalan ke arah kemerdekaan,” katanya.

Sehubungan itu Perdana Menteri mengingatkan orang Melayu bahawa perjuangan mereka masih belum selesai walaupun tidak dijajah lagi.

Menurutnya, masih banyak cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi bagi meletakkan orang Melayu supaya dihormati oleh bangsa-bangsa lain.

Dalam hubungan ini beliau berkata, bukan mudah untuk membangunkan negara meskipun ada pihak tertentu mendakwa sesiapa sahaja yang menjadi kerajaan boleh melakukan perkara itu.

Menurutnya, pemikiran seperti itu adalah cetek yang datang daripada mereka yang berfikiran ‘katak di bawah tempurung’ serta tidak mempunyai prinsip.

“Untuk membangunkan sebuah negara ia memerlukan prinsip perjuangan, kecekapan, ilmu dan tahu bagaimana menangani masalah.

“Kerajaan Malaysia pimpinan UMNO bersama rakan-rakan Perikatan dan kini Barisan Nasional (BN) berjaya membangunkan negara kerana kita memiliki keupa-

yaan dan kecekapan untuk berbuat demikian,” katanya.

Dr. Mahathir seterusnya mahu setiap ahli UMNO dan orang Melayu mengingati diri sendiri kerana mereka mempunyai tanggungjawab berat untuk memulihkan maruah bangsa Melayu.

Sebab itu kata beliau, UMNO perlu terus perjuangkan perpaduan orang Melayu kerana melalui perpaduan sahaja dapat memberi kekuatan kepada orang Melayu untuk menjadi bangsa yang kuat.

“Jadilah bangsa Melayu yang kalau jatuh akan bangun semula. Kita bangsa yang tidak menuntut dihormati tetapi satu bangsa yang berkebolehan.

“Kerana kebolehan itulah yang menyebabkan kita dihormati oleh semua bangsa di dunia,” katanya.